

Kaedah mujahadah dalam ilmu Tasawuf

MUJAHADAH adalah satu jalan yang sukar dan panjang. Ia dikelilingi oleh pelbagai perkara yang tidak menyenangkan. Pintunya adalah taubat dan apabila ia berjaya dibuka dan direntasi dengan selamat, maka bermulalah seseorang *salik* (seorang yang berjalan menuju Allah SWT) itu merentasi pelbagai jalan menghampiri diri kepada Allah sebagaimana yang dikehendaki dalam ilmu Tasawuf.

Beberapa cara pelaksanaan mujahadah yang berbentuk disiplin diasaskan oleh golongan sufi dalam usaha mereka menundukkan nafsu dan melazimkan diri dengan aspek-aspek akhlak Islam yang terpuji. Antaranya, *riyadat al-nafs* iaitu kesungguhan yang dikorbankan oleh seseorang *salik* bertujuan membebaskan diri daripada unsur-unsur kebinasaan terdapat dalam nafsu, seperti dengki dan hasad, riyak, *nifaq*, takbur dan sifat-sifat buruk lain yang menjadi rintangan utama dalam perjalanan menuju Allah.

Kaedah lain dilakukan oleh golongan sufi untuk menyempurnakan mujahadah ialah:

■ Melakukan *al-'uzlah wa al-khalwah*. Oleh kerana matlamat utama mujahadah adalah untuk

bicara tasawuf

Oleh **PROFESOR DATUK ZAKARIA STAPA**
Penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim Institut Islam Hadhari, UKM



menghindarkan nafsu daripada perkara tidak baik maka amalan ini adalah satu kemestian yang perlu dilakukan, khususnya oleh seseorang yang baru menceburi dalam kehidupan bertasawuf.

■ *Al-samt*, iaitu berdiam diri tidak bercakap. Ia tidak bermakna secara mutlaknya lidah dihalang daripada bercakap.

• Lebih merujuk kepada pengawasan atau penjagaan terhadap ucapan-ucapan yang dikeluarkan bagi tujuan menghindarkan diri daripada meluahkan kata-kata yang sia-sia.

• Golongan sufi biasanya melakukan tafakur sebagai ganti kepada percakapan yang sia-sia.

• Percakapan itu sendiri sama ada benar atau salah tidak digemari oleh golongan sufi. Percakapan benar antara lain membawa kepada pujian dan

ketakjuban orang lain.

• Bagi sufi, ia mendorong ke arah riyak dalam diri orang yang bercakap. Percakapan yang palsu dan salah pula adalah jelas dilarang dalam ajaran Islam.

MUJAHADAH DALAM IBADAH

Golongan sufi mempunyai kefahaman dan pendekatan khusus berhubung dengan pelaksanaan pelbagai amalan ibadat. Mereka beriktikad bahawa amalan ibadat tidak akan terlaksana secara sempurna atau tidak benar-benar ikhlas jika pendekatan dan pengertian mujahadah tidak disertakan dalam proses pelaksanaan pelbagai ibadat tersebut.

Pendekatan mujahadah menentang syahwat dan hawa serta penggunaan sehabis kudrat *himmah* bagi menumpukan diri sepenuhnya ke arah Allah SWT mesti direalisasikan setepatnya dalam setiap ibadat. Tanpa perkara-perkara seumpama itu, kejayaan ibadat berkenaan untuk menjadi alat mendekatkan diri dengan Allah SWT adalah sukar diramalkan.

Pelaksanaan ibadat itu perlu diangkat ke tahap ihsan iaitu melakukannya seperti Allah SWT sedang melihatnya, ia bukan terhad dalam ibadat sahaja tetapi dalam setiap perkara yang dilakukan oleh seorang hamba.

Apabila taraf ihsan itu dicapai dalam setiap perbuatan ibadat yang dilaksanakan oleh seseorang, bermakna setiap perbuatannya sudah mencapai taraf kesempurnaan. Ini kerana ia sudah terhindar daripada petaka riyak dan *nifaq* yang sentiasa menjerumuskan seseorang ke gaung keburukan. Dengan itu pastinya segala perbuatan manusia berkenaan akan selaras dengan *iradah* Allah SWT, sekali gus melambangkan ketakwaan dan kesempurnaan akhlak yang mulia.

Itu sebahagian daripada cara pelaksanaan mujahadah yang kerap diguna pakai dalam proses mendisiplinkan diri dalam ilmu Tasawuf bagi mendekatkan diri kepada Allah. Amalan ini biasanya berlangsung dalam sesebuah institusi tarekat Tasawuf dengan diawasi dan dibimbing oleh syekh murshid yang memimpin sesebuah tarekat

GLOSARI RINGKAS

RIYADAT AL-

NAFS: Latihan untuk membersihkan jiwa dengan cara mengamalkan amalan tertentu seperti mengurangkan makan dan tidur bagi melakukan ibadat

RIYAK: Melakukan ibadat atau sesuatu kebaikan dengan tujuan menunjuk-nunjuk kepada orang untuk mendapat pujian, bukan ikhlas kerana Allah SWT.

NIFAQ: Sifat seorang munafik, iaitu

memperlihatkan keadaan diri yang berlainan daripada situasi sebenar dan berpura-pura berperangai baik.

TAKBUR: Sikap atau sifat membesarkan diri dan bongkak.

AL-'UZLAH: Menyisihkan diri daripada masyarakat untuk sementara waktu bagi maksud menjalani latihan kerohanian dan pembersihan diri

AL-KHALWAH:

Pengasingan atau pengunduran diri untuk tujuan kerohanian.

TAFAKUR: Perbuatan berfikir secara teratur hingga sampai kepada kesimpulan dan hendaklah dibebaskan daripada pengaruh hawa nafsu.

HIMMAH: Suatu iradah kerohanian; suatu kuasa penentuan yang biasanya dikurniakan oleh Allah SWT kepada golongan yang hampir dengan-Nya seperti para nabi dan wali.

MURSHID: Seorang yang memberi petunjuk tentang jalan yang lurus sebelum tersesat, iaitu seorang pemimpin kerohanian yang telah sampai kepada kebenaran.

SEORANG hamba perlu menghinakan 'dahinya' dengan serendah mungkin bagi membersihkan jiwanya daripada sebarang perasaan takbur.

- GAMBAR HIASAN

